

30/05/1999

Wanita tubuh unit khas kesan masalah parti

KUALA TERENGGANU: Pergerakan Wanita Umno menubuhkan pasukan gerak khas untuk mengenal pasti masalah yang wujud dalam parti dan memantapkan pergerakan itu di seluruh negara.

Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata ia juga bertujuan membentuk konsep kerja Wanita Umno kepada perjuangan yang tulen di samping menstabilkan suasana di dalam parti.

Bercakap kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Pergerakan Wanita Umno negeri di sini, semalam, katanya pemimpin wanita akan dipilih di peringkat negeri dan akan menghadiri satu perjumpaan dengan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menerima amanat mengenai perjuangan parti, yang kemudian akan disampaikan kepada ahli.

Siti Zaharah yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, pergerakan tersebut akan mengadakan kerjasama dengan pergerakan wanita parti komponen Barisan Nasional (BN), sebagai satu gerakan kebangsaan untuk mengukuhkan parti.

Siti Zaharah berkata, pergerakan itu menentang sekeras-kerasnya pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menimbulkan masalah kepada negara.

Beliau berkata, setiap masalah di dalam negara tidak perlu di bawa ke luar dan kerajaan mempunyai cara yang tersendiri untuk mengatasi dan menyelesaikan masalah.

Menurutnya, kerajaan telah menyediakan tempat untuk NGO menyalurkan setiap masalah dan mereka (NGO) mestilah menggunakan saluran yang betul.

Mengenai kerjasama parti pembangkang untuk menghadapi pilihan raya, Ketua pergerakan Wanita Umno itu berkata, kerjasama berkenaan tidak akan ke mana, dan pihak pembangkang perlu melihat kepada prinsip perjuangan parti mereka terlebih dahulu.

(END)